

**Tanding AMK: Generasi Reformasi sedia debat  
Malaysiakini.com  
September 1, 2010**

Ahli majlis pimpinan pusat (MPP) PKR Mohd Rafizi Ramli dan barisan regunyanya - dikenali Generasi Reformasi - sedia berdebat dengan tokoh dan pasukan lain yang merebut jawatan tertinggi dalam Pemuda PKR (AMK).

"Kami bersedia turut serta," kata calon timbalan ketua Pemuda kumpulan itu Amiruddin Shari.

Beliau yang juga ADUN Batu Caves dan naib ketua AMK berkata, program anjuran gabungan penulis blog - dikenali sebagai Universiti Terbuka Perak (EUREKA) - itu akan diadakan pada 18 September di sebuah resort di Taiping, Perak.

Malaysiakini difahamkan, kesemua empat calon yang disebut-sebut bakal merebut jawatan nombor satu dalam sayap Pemuda parti itu diundang berdebat dan membentangkan halatuju dan agenda masing-masing.

Debat penjurong itu, jika menjadi kenyataan akan akan mempertemukan antara Mohd Rafizi, penyandang jawatan itu Shamsul Iskandar Md Akin, anggota MPP Badrul Hisham Shaharin dan seorang pemimpin cabang daripada Johor Hasmi Hashim.

Ketiga-tiga mereka bagaimanapun setakat ini belum membuat pengumuman rasmi berhubung kesediaan mereka merebut jawatan yang sama.

Bercakap dalam sidang media bagi mengumumkan barisan Generasi Reformasi di sebuah hotel di Petaling Jaya hari ini, Amiruddin berkata, pendekatan ala debat presiden Amerika Syarikat sebegini boleh menjadi budaya baru dalam PKR dan amalan parti-parti politik di negara ini.

Beliau sebelum itu menjawab soalan tentang 'populariti' Mohd Rafizi yang dilihat kurang menonjol di kalangan masyarakat umum bagi bertanding jawatan nombor satu dalam Pemuda PKR itu.

Amiruddin mengakui, mungkin Mohd Rafizi kurang popular tetapi menjelang pemilihan parti November ini, kumpulan mereka akan hadir bertemu pelbagai pihak dan akar umbi parti di pelbagai tempat.

"Kita tidak anjurkan (debat). Tetapi kalau kita memikirkan ini kaedah terbaik untuk berkongsi, saya rasa ini bukan kekangan untuk kita lakukan. Kalau ada pihak lain buat pun kita sedia ambil bahagian.

"Kita satu parti, walaupun berlawanan tetapi adik-beradik. Semangat persaudaraan itu kita tidak pernah putuskan," kata Amiruddin, bekas pendebat semasa menuntut di sebuah universiti di Lembah Klang sebelum ini.

Sementara Mohd Rafizi pula berkata, beliau menjangkakan perdebatannya dengan 'pesaingnya' dijangkan disiarkan secara langsung.

"Ada rancangan disiarkan langsung, cuma secara teknikalitinya (ia) belum dimaklumkan," katanya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141630>